



MUZAKARAH PAKAR KESIHATAN MENTAL PERSPEKTIF ISLAM DAN NEUROPSIKIATRI

17 OKTOBER 2017 Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)
KUALA LUMPUR

PENGENALAN

Menurut National Health and Morbidity Survey (NHMS 2015), prevalens masalah kesihatan mental di Malaysia menunjukkan peningkatan daripada 10.7% pada tahun 1996 kepada 29.2% (4.2 juta) pada tahun 2015. Statistik ini menggambarkan cabaran hebat yang dihadapi oleh pakar psikologi dan psikiatri pada hari ini dalam merawat perubahan fungsi insan seperti tingkahlaku, pemikiran dan hal yang berkait dengan kejiwaan. Masalah mental yang tidak dirujuk tepat kepada pakar akan merumitkan lagi keadaan. Walau bagaimanapun, pakar psikiatri dan psikologi juga perlu menitikberatkan pandangan dan elemen agama dalam mengaplikasikan ilmu dan rawatan kepada masyarakat agar tidak jauh daripada landasan Islam yang sebenar. Pengkayaan ilmu agama dalam bidang perubatan mampu memberi nilai tambah kepada profesionalisme kedokteran yang menyumbang kepada kesihatan jasmani dan rohani ummah.

Oleh itu, perlu ada usaha untuk mencari kesepakatan kefahaman dan kerjasama padu antara pakar kesihatan dan pakar agama dalam menyelesaikan permasalahan masyarakat yang mengalami tekanan mental dan pelbagai masalah yang berkait dengan neuropsikopatologi. Kesepakatan ini penting kerana peranan dan sumbangan sinergi mereka memberi kesan besar atas pengurusan kehidupan seseorang insan. Justeru, amatlah penting untuk melihat dan memperhalusi isu-isu yang melibatkan neuropsikiatri dan kesihatan mental kerana ia melibatkan pembangunan kesihatan masyarakat awam. Masyarakat perlu difokuskan untuk membangunkan strategi pencegahan awal dan program yang lebih efektif dalam pengurusan kesihatan dan kesejahteraan mental.


OBJEKTIF

1. Melihat isu-isu kesihatan mental yang semakin membarah dalam masyarakat menurut pandangan Islam, psikiatri dan neurosains;
2. Meninjau cabaran profesionalisme kedokteran dan ilmuwan agama dalam menangani isu masalah mental dan kejiwaan berasaskan ilmu perubatan semasa dan pandangan Islam; dan
3. Mencari kesepakatan kefahaman khususnya yang berkaitan dengan neuropsikopatologi.

SASARAN PESERTA

Anggaran jumlah peserta dalam muzakarah ini adalah 50 orang yang terdiri daripada ahli-ahli akademik dan penyelidik dalam bidang neurosains dan agama, pakar agama dalam bidang fiqh dan usuluddin serta pengamal perubatan yang terlibat khusus dalam bidang neurosains, psikiatri dan psikologi.

MEDIA RASMI



MUZAKARAH PAKAR

KESIHATAN MENTAL: PERSPEKTIF ISLAM & NEUROPSIKIATRI

17 OKTOBER 2017 / 27 MUHARAM 1438H

08.00 am - 09.00 am

: Pendaftaran

SESI I

Moderator :

YBrs. Dr. Mohd Zaidi Ismail

Timbalan Ketua Pengarah, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

09.00 am - 09.45 am

: **Kertas 1**

Kesihatan Mental: Dilema & Cabaran Utama

YBhg. Prof. Madya Dr. Asrenee Ab Razak

Ketua Jabatan Psikiatri, USM, Kubang Kerian

09.45 am - 10.30 am

: **Kertas 2**

Kesihatan Mental: Bukti Penemuan Biologikal

YBhg. Prof. Madya Dr. Zahiruddin Othman

Jabatan Psikiatri, USM, Kubang Kerian

10.30 am - 11.15 am

: **Kertas 3**

Minda atau Jiwa: Perspektif Islam

En. Md Asham Ahmad

Fellow Kanan, Pusat Kajian Syariah, Undang-undang & Politik, IKIM

11.15 am - 12.00 pm

: **Kertas 4**

Rawatan Masalah Mental:

Pendekatan Perubatan Kontemporari & Iktibar Daripada Kaedah Sarjana Muslim

YBrs. Dr. Zul Azlin Razali

Pakar Psikiatri USIM

MAJLIS PERASMIAN & PELANCARAN BUKU

12.00 pm - 12.05 pm

: Bacaan Doa

12.05 pm - 12.15 pm

: **Ucapan Aluan**

YBhg. Datuk Prof. Dr. Azizan Baharuddin

Ketua Pengarah, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

12.15 pm - 12.30 pm

: **Ucapan Perasmian**

YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah

Ketua Pengarah, Kementerian Kesihatan Malaysia

12.30 pm - 12.40 pm

: **Majlis Pelancaran Buku**

YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah

Ketua Pengarah, Kementerian Kesihatan Malaysia

12.40 pm - 02.00 pm

: Jamuan Tengah Hari / Solat Zohor / Rehat

SESI II

Moderator :

YBrs. Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh

Pengarah, Pusat Kajian Sains & Alam Sekitar, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

02.00 pm - 02.45 pm

: **Kertas 5**

Rawatan Masalah Mental:

Pendekatan Perubatan Kontemporari dan Iktibar daripada Kaedah Sarjana Muslim Silam - Kajian Kes

YBrs. Dr. Ahmad Nabil Rosli

Jabatan Psikiatri, Kuliyyah Perubatan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

02.45 pm - 03.30 pm

: **Kertas 6**

Psikospiritual Islam: Terapi Masalah Mental

En. Khairul Azhar Idris

Fellow, Pusat Kajian Ekonomi & Kemasyarakatan, IKIM

03.30 pm - 05.00 pm

: Sesi Soal Jawab / Perbincangan

05.00 pm - 05.05 pm

: Bersurai